



UNIVERSITI KUALA LUMPUR
MALAYSIA FRANCE INSTITUTE

FINAL EXAMINATION
JULY 2010 SESSION

SUBJECT CODE : MPW 1153
SUBJECT TITLE : PENDIDIKAN MORAL
LEVEL : DIPLOMA
DURATION : 8.00pm – 10.00pm
(2 HOURS)
DATE / TIME : 19 NOVEMBER 2010

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This question paper consists of THREE (3) sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A AND B. For Section C, answer two (2) questions only.
6. Answer all questions in Bahasa Melayu.

THERE ARE 8 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 20 markah)**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Satu aspek kehidupan yang perlu dilalui oleh manusia ialah penderitaan. Bagi penganut agama Buddha, cara untuk mengatasi penderitaan ini ialah dengan mengamalkan
 - A. jalan lapan lapis kehidupan.
 - B. kehidupan tanpa keinginan.
 - C. lapan kebenaran.
 - D. ajaran buddha.

2. Asas-asas utama ajaran agama Islam ialah
 - i. Aqidah.
 - ii. Syariah.
 - iii. Zuhud
 - iv. Akhlak.
 - A. I, II dan III
 - B. I, II dan-IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

3. Antara fungsi nilai moral ialah
 - I sebagai piawaian atau pengukur.
 - II sebagai rujukan atau panduan.
 - III pencetus idea-idea moral.
 - IV membataskan tingkah-laku atau tindakan seseorang atau masyarakat.
 - A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

4. "Bagi Ramanathan, bukan sahaja perlu ada keikhlasan dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang pendidik, bahkan juga perlulah menjalankan profesionnya dengan mengikuti peraturan yang telah dipelajarinya."
Kenyataan ini menjelaskan teori
- A. Deontologi.
 - B. Eksistensialisme.
 - C. Teleologi.
 - D. Keperibadian mulia.
5. Beberapa buah pusat pengajian tinggi terpaksa ditutup meskipun semester pengajian baharu sahaja bermula. Tindakan ini dilakukan ekoran terdapatnya beberapa orang kakitangan pusat-pusat pengajian tinggi itu yang dijangkiti H1 N1. Tindakan ini menepati teori
- A. Teleologi Utilitarianisme.
 - B. Teleologi Egoisme.
 - C. Deontologi.
 - D. Eksistensialisme.
6. Mutusamy terpaksa mengemaskan tempat tidurnya sebelum ke sekolah kerana bimbang akan dihukum oleh ibunya. Proses pembentukan akhlak yang dilakukan oleh ibu Mutusamy terhadap anaknya ini dikenali sebagai
- A. peraturan kemoralan sosial.
 - B. pembentukan keperibadian mulia.
 - C. sikap egoisme.
 - D. pendekatan deontologi.
7. Meskipun memelihara anak-anak yatim itu sesuatu amalan yang mulia, namun sumber bagi mendapatkan kewangan untuk memelihara mereka hendaklah datang daripada sumber yang halal. Pandangan ini menepati teori
- A. Keperibadian Mulia.
 - B. Utilitarianisme.
 - C. Kemoralan Sosial.
 - D. Deontologi.

8. Seseorang itu dikatakan bermoral jika
- I. memiliki motivasi atau perasaan dalaman untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan bermoral atau tidak bermoral.
 - II. rasa bersalah terhadap sesuatu tindakan tidak bermoral.
 - III. rasa bertanggungjawab terhadap seseorang atau terhadap sesuatu tindakan bermoral.
 - IV. rasa sesuatu tindakan bermoral itu penting dan perlu disegerakan.
- A. I, II dan III.
 - B. II, III dan IV.
 - C. I, II dan IV.
 - D. I, III dan IV.
9. Meskipun mereka saling mencintai di antara satu sama lain, namun perkahwinan mereka mestilah mengikut adat. Pandangan ini menepati teori
- A. Keperibadian Mulia.
 - B. Utilitarianisme.
 - C. Kemoralan Sosial.
 - D. Deontologi.
10. Dalam Islam, manusia terbentuk daripada roh dan jasad. Jasad mempunyai keperluannya tersendiri iaitu, udara, air, makanan, hubungan seks dan sebagainya. Roh pula memerlukan
- A. jasad.
 - B. Hadith dan Al-Qur'an.
 - C. amalan-amalan kebaikan yang akan membawa kepada kehidupan bermoral.
 - D. tingkahlaku.
11. Matlamat hidup bagi penganut-penganut agama Hindu untuk menyatukan diri "Athman" dengan "Brahman". Cara untuk mencapai hasrat ini ialah dengan mensucikan diri dengan amalan-amalan agama. Proses ini dikenali sebagai
- A. Nirvana.
 - B. Athmansiddhi.
 - C. Karma.
 - D. Siva.

12. Semua negara di dunia ini akan memiliki anggota masyarakat yang cacat, tua dan kanak-kanak. Golongan-golongan ini memerlukan kos saraan yang sangat tinggi sedangkan produktiviti mereka sangat rendah. Namun untuk tidak mempedulikan mereka merupakan satu jenayah sosial. Situasi ini menampakkan pertembungan konflik antara teori _____ dan teori _____.
- A. Egoisme, Keperibadian mulia.
 - B. Utilitarianisme, Deontologi.
 - C. Deontologi, Kemoralan Sosial.
 - D. Utilitarianisme, Kemoralan Sosial.
13. Sebenarnya Abu amat berminat untuk meneruskan pengajiannya tetapi dia terpaksa berhenti belajar untuk membantu ibunya menyara adik-adiknya selepas kematian ayah mereka. Konflik yang dialami oleh Abu ialah konflik antara teori _____ dan teori _____.
- A. Egoisme, Deontologi.
 - B. Egoisme, Utilitarianisme.
 - C. Utilitarianisme, Deontologi.
 - D. Egoisme; Keperibadian Mulia.
14. Anda berhadapan dengan satu konflik. Anda disarankan untuk memilih
- yang lebih penting
 - manakah yang lebih utama
 - manakah yang patut didahulukan, atau
 - manakah yang lebih bernilai
- Kaedah penyelesaian yang disarankan ini merupakan kaedah
- A. Analisis
 - B. Kognitif
 - C. Hierarki
 - D. Tolak Ansur.

15. Negara sedang bergolak seperti Iraq berhadapan dengan pelbagai masalah seperti peperangan, keganasan, jenayah, kekurangan makanan, inflasi dan sebagainya. Dalam situasi sebegini, apakah kaedah yang sesuai bagi menyelesaikan kekusutan yang dihadapi?
- A. Hierarki.
 - B. Analisis.
 - C. Kognitif.
 - D. Peleraian.
16. Dalam menangani masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja hari ini, ahli-ahli fikir moral menyarankan pendekatan
- A. hierarki.
 - B. kognitif.
 - C. peleraian.
 - D. tolak ansur.
17. Pernyataan yang manakah berikut ini mengandungi nilai moral deontik?
- I. Perbuatannya berjudi setiap hari amat merugikan dirinya dan keluarganya.
 - II. Sikapnya yang bengis itu telah menyebabkan anak-anaknya tidak suka tinggal bersamanya.
 - III. Setiap hari dia akan membantu ibunya di kedai.
 - IV. Ali seorang yang pemurah.
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV
18. Semangat gotong-royong di kalangan masyarakat kita khususnya dalam urusan kenduri-kendara kian luntur di kampung-kampung. Nilai murni ini sebenarnya telah lama luntur di bandar-bandar. Kenyataan ini menunjukkan nilai bersifat berubah-ubah mengikut
- A. tempat.
 - B. masa.
 - C. keadaan.
 - D. situasi.

19. "Rosmah bersahabat baik dengan May Ling kerana May Ling sering membantunya dalam pelajaran."

Kenyataan ini menunjukkan nilai bersifat

- A. instrumental.
 - B. subjektif.
 - C. objektif.
 - D. mutlak.
20. Kenyataan yang manakah berikut ini menunjukkan nilai itu bersifat subjektif?
- A. Hukuman gantung akan dikenakan kepada sesiapa sahaja yang didapati bersalah mengedar dadah.
 - B. Memang wajar kita menghulurkan pertolongan kepada mereka yang ditimpa musibah.
 - C. Merokok membahayakan kesihatan.
 - D. Menonton televisyen merugikan masa.

BAHAGIAN B (Jumlah: 30 markah)

ARAHAN: Jawan SEMUA soalan.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

1. Senaraikan **dua** kebaikan dan keburukan teori kemoralan sosial. (4 markah)
2. Jelaskan **tiga** kritikan terhadap teori etika keperibadian mulia. (3 markah)
3. Terangkan **dua** nilai moral yang baik bagi agama Hindu dan Sikhisme. (4markah)
4. Jelaskan maksud Etika *Utilitarianisme* dan nyatakan **dua** penentangan tersebut. (4 markah)
5. Apakah yang dimaksudkan dengan Euthanesia dalam isu mengambil nyawa. (2 markah)
6. Jelaskan **enam** keburukan internet yang sering dilakukan oleh manusia. (6 markah)
7. Jelaskan **empat** kunci utama nilai yang terpenting di dalam memahami akhlak Islam (4 markah)
8. Berikan **tiga** langkah bagi mengatasi jenayah dikalangan remaja. (3 markah)

BAHAGIAN C (Jumlah: 30 markah)

ARAHAN: Jawab DUA (2) soalan sahaja.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

Soalan 1

Pembangunan membawa kemajuan bagi kehidupan manusia, namun mengancam alam sekitar. Bincangkan **lima** kesan-kesan yang mungkin berlaku.

(15 markah)

Soalan 2

Kerajaan telah melaksanakan program pemberian kondom dan jarum suntikan percuma kepada pengidap penyakit HIV suatu ketika dahulu bagi tujuan mengurangkan penyebaran penyakit AIDS.

- a) Pada pandangan anda wajarkah tindakan ini dilakukan?
- b) Bincangkan **dua** kesan moral yang mungkin timbul akibat daripada pelaksanaan program ini?

(15 markah)

Soalan 3

Setiap individu akan menghadapi konflik moral. Bincangkan **lima** strategi yang disarankan oleh *Scherer* dan rakan-rakannya?

(15 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT